



# SIARAN MEDIA

---

## **KEPENGKERUSIAN ASEAN DI BAWAH NRES: MEMPERCEPATKAN TINDAKAN IKLIM DEMI KEPERLUAN BERSAMA**

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) hari ini melancarkan Kepengerusian ASEAN melibatkan dua mesyuarat utama iaitu Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Alam Sekitar ASEAN (ASOEN) dan Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN (AMME).

Selain itu, NRES juga menganjurkan 14 mesyuarat lain dengan rakan dialog ASEAN, termasuk EU, China, Jepun, US dan Korea berkaitan isu alam sekitar dan perubahan iklim.

Di bawah tema ASEAN Satu Suara: Mempercepatkan Tindakan Iklim Demi Penjagaan, Perkongsian dan Keperluan Bersama, NRES komited untuk menggerakkan tindakan kolektif dalam memastikan masa depan yang lestari untuk generasi akan datang.

ASOEN akan berlangsung pada 28 Julai hingga 1 Ogos 2025 di Langkawi, Kedah. Mesyuarat ini merupakan salah satu mekanisme kerjasama di bawah ASEAN yang memfokuskan isu-isu keberlangsungan ekosistem dan pengurusan alam sekitar di Asia Tenggara. Peranan ASOEN merangkumi projek pemulihan dan program mitigasi perubahan iklim serta mempromosikan amalan lestari.

Manakal AMME bakal berlangsung pada 1 hingga 5 September 2025. Mesyuarat ini menggalakkan kerjasama ASEAN dalam bidang alam sekitar, yang dipandu oleh Pelan Induk Komuniti Sosio-Budaya ASEAN 2025 (ASSC Blueprint 2025). Ia menggariskan visi untuk membentuk sebuah komuniti ASEAN yang inklusif, lestari, berdaya tahan dan dinamik.

Melalui kepimpinan AMME dan ASOEN, diharap dapat mengenal pasti dan melaksanakan dasar, langkah dan program serantau untuk mempromosikan perlindungan alam sekitar dan pembangunan lestari. Secara keseluruhannya, ASOEN dan AMME memainkan peranan dalam saling melengkapi untuk mencapai matlamat serantau bagi mewujudkan kawasan yang aman dan lestari.

Peluncuran Kepengerusian ASEAN Peringkat NRES ini telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad sempena Balai Raya NRES di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong.

Pada majlis yang sama, YB Menteri turut merasmikan Curatap WEL3 iaitu satu lagi produk teknologi FRIM berasaskan cucur atap yang berupaya membantu dalam pengawalan aras gula serta peningkatan kualiti kesihatan umum.

Turut hadir, Timbalan Menteri NRES, Dato' Sri Huang Tiong Sii, Ketua Setiausaha, Datuk Dr Ching Thoo a/l Kim, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Datuk Nor Yahati Awang dan Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), Norsham Abdul Latip.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**  
**5 FEBRUARI 2025**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

    nresmalaysia